

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 December 2015

Jiwa besar Najib dan masa untuk bertawakal

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
pengarang@utusan.com.my

UM-13/12/2015

analisis



BEBERAPA jam sebelum Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan ucapan penggulungan di Perhimpunan Agung parti itu semalam, tersebar posting terbaharu Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam Facebook mengulas ucapan dasar Presiden UMNO itu.

Antara lain, Muhyiddin mencatatkan, "Dalam Islam kita dituntut supaya patuh dan taat kepada pemimpin. Hal ini disebut oleh Presiden dalam ucapan dasarnya. Pemimpin yang wajib ditaati ialah pemimpin yang taat kepada titah perintah Allah, amanah, jujur, berintegriti dan bersih serta menjauhi perkara-perkara mungkar."

Dikhabarkan catatan Muhyiddin itu telah menyinggung perasaan Perdana Menteri. Maka tersebarlah khabar bahawa Najib akan menjadikan ucapan penggulungannya sebagai 'pentas' untuk membalas kembali serangan terbaharu Muhyiddin itu.

Ramai yang resah gelisah. Mereka tidak mahu pertelingkahan antara kedua-dua pemimpin itu berlanjutan. Terdapat riak-riak kecewa dan sedih di wajah masing-masing ketika penulis berbual-bual dengan beberapa ahli MT, pemimpin Wanita, Pemuda dan Puteri.

Tepat pukul 5 petang, Najib muncul di pentas perhimpunan. Wajah beliau kelihatan cukup tenang. Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO mengenai firman Allah dalam surah Al-Asr yang bermaksud: "Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

Debaran semakin kencang apabila Najib berkata, selepas memujuk kepada alim ulama, maksud 'kerugian' itu ditujukan kepada kelompok manusia yang meng-

habiskan masa mereka untuk melakukan htnah, berbohong dan mengadu domba. Najib melanjutkan dengan memetik dua lagi ayat al-Quran iaitu surah Al-Imran ayat 54 yang bermaksud: "Dan mereka merancang (tipu daya), Allah juga merancang (membalas tipu daya), dan Allah sebaik-baik Perancang (membalas tipu daya)." dan surah Al Hujurat ayat 6 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiklah (untuk menentukannya) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

Semua orang memahami, ayat-ayat itu ditujukan kepada Muhyiddin dan sudah tentulah Najib akan meneruskan serangannya. Tetapi ternyata seperti mana janjinya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Khamis lalu bahawa beliau berjiwa besar, maka Najib 'mengejutkan' perwakilan, pemerhati dan orang ramai apabila menghulurkan silaturahim kepada semua pemimpin termasuk Muhyiddin demi kepentingan perjuangan UMNO.

Temyata Najib memenuhi hasrat, impian dan kehendak perwakilan yang mahukan 'perdamaian' antara pemimpin-pemimpin mereka. Lalu bergemalah Dewan Merdeka dengan tepukan gemuruh dan ada yang menitiskan air mata.

Walaupun reaksi Muhyiddin ketika bersalaman dengan Najib selepas ucapan penggulungan Presiden UMNO itu, amat-amat tidak memberangsangkan, namun

sekurang-kurangnya Najib telah melaksanakan apa yang diperintah oleh Allah dalam surah Al-Imran ayat 159 yang bermaksud"

"Maka disebabkan rahmat dari-pada Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka, sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya."

Ayat inilah juga yang disebut oleh Muhyiddin ketika mengulas keputusan Majlis Tertinggi (MT) yang memutuskan hanya Presiden sahaja akan berucap pada perhimpunan berkenaan. Kini 'bola' di tangan Muhyiddin. Beliau dijangka mengadakan sidang akhbar hari ini bagi mengulas salam silaturahim yang dihulurkan oleh Najib.

Apapun harapan ahli-ahli UMNO di seluruh peringkat terhadap beliau amat tinggi. Mereka masih sayangkan Muhyiddin, mereka mahu Timbalan Presiden UMNO itu terus dalam bahtera parti keramat orang Melayu itu. Tetapi buat masa ini mereka sudah berusaha mendamaikan keadaan dan ia sudah hampir tercapai melalui jiwa besar yang ditunjukkan oleh Najib, kini seperti mana kata Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Badruddin Amiruldin, "masa untuk bertawakal kepada Allah."

Semoga Muhyiddin yang pernah menyatakan biarpun dicincang beliau tetap bersama UMNO dan melakukan segala tindakan selama ini demi kepentingan parti keramat orang Melayu itu akan membuat satu pendirian yang benar-benar mencerminkan kata-kata tersebut kerana itulah harapan ahli-ahli UMNO.